



JABATAN HAL EH WAL PELAJAR

Menjadi hasrat dan tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) untuk membantu dan berusaha mewujudkan suasana kondusif dan selesa bagi proses pembelajaran dan kehidupan di kampus. Jabatan ini menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan biasiswa/pinjaman, persatuan pelajar, tataatribut pelajar, kewangan, sukan & rekreasi, kebudayaan, penempatan pelajar dan latihan serta pembangunan pelajar kolej universiti. Jabatan ini mempunyai beberapa unit yang beroperasi untuk mengendalikan pelbagai program secara berterusan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar-pelajar. Unit-unit tersebut adalah seperti berikut :

- Unit Kewangan
- Unit Kebudayaan
- Unit Sukan & Rekreasi
- Unit Biasiswa & Pinjaman Pelajar
- Unit Latihan & Pembangunan Pelajar
- Unit Penempatan & Penginapan Pelajar

Misi

Berusaha melahirkan graduan yang berperibadi murni, jati diri, berketrampilan, berdaya saing dan inovatif.

VISI

Menjadi sebuah jabatan yang unggul / cemerlang dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pelajar ke arah mencapai matlamat KUKUM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia.

MOTTO

'Mesra Pelajar'

UNIT SUKAN & REAKRASI

Unit Sukan dan Rekreasi bertanggungjawab untuk mengelola, menganjur, serta mengawalselia Program

Sukan dan Rekreasi kepada pelajar dan kakitangan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Sebagai satu unit yang berorientasikan kecerdasan dan kesihatan minda, beberapa program disusun bagi membolehkan para pelajar sebagai pengguna utama menggunakan kesempatan di luar waktu kuliah untuk memanfaatkan aktiviti sukan dan beriadah. Unit Sukan dan Rekreasi juga memberikan tumpuan dan keutamaan kepada program yang berbentuk sukan elit sebagaimana penyertaan di dalam aktiviti anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan lain-lain aktiviti di peringkat tertinggi.

UNIT PERKHIDMATAN BIASISWA DAN PINJAMAN PELAJAR

Fungsi

Menyelaras serta mengurus biasiswa dan pinjaman kewangan pelajar dengan pihak penaja serta mendapatkan sumber bantuan kewangan bagi pelajar.

UNIT KEWANGAN

Fungsi

- Merancang, mengurus dan melaksanakan perbelanjaan mengikut belanjawan yang diperuntukkan.
- Mengawalselia perbelanjaan
- Menyediakan laporan belanjawan
- Menguruskan tabung kebajikan pelajar
- Menguruskan tabung kesihatan pelajar

UNIT PENEMPATAN PELAJAR

Fungsi

- Merancang keperluan & kemudahan penginapan pelajar dan kakitangan di kolej-kolej kediaman yang baru dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan.
- Menyelaras urusan penginapan pelajar

dan kakitangan di kolej-kolej kediaman.

- Memantau perkhidmatan kafetaria di kolej-kolej kediaman.
- Memastikan rekod penginapan pelajar dikemaskini.

UNIT KEBUDAYAAN

Fungsi

- Merancang dan menyediakan kemudahan, perlaksanaan dan pemantauan program kebudayaan serta kesenian bagi mencungkil bakat pelajar
- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program pembangunan pelajar yang menekankan aspek pembangunan diri di kalangan pelajar melalui aktiviti dan kegiatan badan-badan pelajar.
- Menyelaras hal berkaitan penyediaan, penyelaras dan pendokumentasi laporan aktiviti kelab/persatuan untuk sebarang aktiviti kesenian, kebudayaan dan pembangunan pelajar.
- Menyelaraskan dan mengendalikan segala aktiviti/program berbentuk kesenian, kebudayaan dan pembangunan pelajar KUKUM.

UNIT LATIHAN & PEMBANGUNAN PELAJAR

Unit Latihan Dan Pembangunan Pelajar (ULPP) Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar yang secara umumnya :

- Bertanggungjawab merancang, menyelaras, melaksana dan memantau dasar serta program latihan pelajar dari aspek kepimpinan, sahsiah, mental, fizikal , akademik dan badan pelajar.
- Bertanggungjawab merancang, melaksana dan mewujudkan mekanisme aduan serta tindakan menangani aspek pembangunan pelajar.